

14 APR 1997

Abdullah-Timur Tengah

MALAYSIA DAN MESIR GESA NETANHAYU TERUSKAN RUNDINGAN DAMAI

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Malaysia dan Mesir hari ini mengkritik pemimpin Israeli, Benjamin Netanyahu kerana bersikap "keras kepala" dan tidak menunjukkan keinginan untuk meneruskan proses damai di Timur Tengah.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Mesir, Dr Kamal Ahmed El Ganzoury menyuarakan tidak puas hati mereka berkaitan sikap pemimpin Israel itu," kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau telah memberi taklimat kepada pemberita berkaitan perbincangan yang diadakan antara Dr Mahathir dan Dr Kamal di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Menurut Abdullah, kedua-dua perdana menteri itu berkongsi pandangan yang sama berkaitan masalah Timur Tengah dan mereka berasa proses perdamaian harus diteruskan kerana ia adalah penting bagi rakyat Palestin dan juga Israel.

"Kedua-dua perdana menteri itu sedar kesulitan yang ditimbulkan oleh Netanyahu berikutan keras kepala dan tidak menunjukkan keinginan untuk meneruskan proses damai," kata Abdullah.

Beliau berkata di samping isu hubungan Arab-Israel, kedua-dua pemimpin itu juga menyentuh isu antarabangsa lain seperti keperluan kerjasama G15 dan G8.

Berkaitan dengan perbincangan untuk meningkatkan hubungan dagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara, Abdullah berkata penandatanganan Perjanjian Jaminan Pelaburan, Pengelakan Cukai Berganda, Perjanjian Pengangkutan Udara dan Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan Galakan Dagangan dan Pelancongan adalah di antara perkara-perkara yang boleh memperbaiki hubungan kedua-dua negara.

Beliau berkata Mesir boleh memainkan peranannya sebagai pintu masuk ke Afrika Utara bagi barangan Malaysia dan kedua-dua perdana menteri mengharapkan sektor swasta memainkan peranan mereka dengan mengadakan usaha sama untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan dagangan.

Abdullah berkata perbincangan juga tertumpu kepada beberapa aspek kerjasama dalam bidang perkhidmatan udara, pelancongan, perkilangan, pertanian dan kerjasama dalam penanaman kapas dan pembuatan produk berasaskan kapas dan minyak sawit.--BERNAMA

ZAB RI